

HARI KELUARGA INSKEP 2018

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4282-hari-keluarga-inskep-2018

GURUN, 17 Dis 18 - Institut Kepimpinan Dan Pengurusan (INSKEP) telah mengadakan Hari Keluarga bagi tahun 2018 pada 16 dan 17 Dis 18 di The Jerai Hill Resort, Gurun Kedah. Pegawai Memerintah INSKEP, Lt Kol Nurul Amir bin Othman TUDM serta isteri Puan Noor Hafizah binti Haji Zainol dan keluarga turut hadir bersama-sama dengan staf INSKEP dan keluarga di Hari Keluarga tersebut.



Pelbagai acara telah diadakan iaitu sukaneka mengikut kategori keluarga, kanak-kanak, anggota bujang dan Pertandingan Paintball di antara SPU. Pada Majlis Makan Malam yang mengikut tema Red Carpet Gala Masquerade adalah yang ditunggu-tunggu semua warga dan keluarga INSKEP kerana pelbagai jenis hadiah yang hebat menanti mereka mengikut cabutan nombor bertuah.



Dalam majlis makan malam tersebut juga diadakan persembahan setiap SPU, penyampaian hadiah sukaneka, paintball, juara keseluruhan SPU 2018, pakaian tercantik, ahli BAKAT paling aktif, Man Of The Year Awards INSKEP 2018 dan diakhiri dengan ucapan Pegawai Memerintah INSKEP. Hari Keluarga INSKEP 2018 yang berjaya dilaksanakan ini dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim warga INSKEP dan keluarga.



